

PENGUNAAN TELEFON PINTAR DALAM PROSES PENGURUSAN STRATEGIK SEKOLAH

Prasad Rao Lingaiah^{1,2}

*Husaina Banu Kenayathulla^{1,2}

[1] Jabatan Pengurusan Perancangan & Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

[2] Hub for Research in Education Leadership, Administration, Management and Policy (Re-LAMP),

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*husaina@um.edu.my

ABSTRACT

This study examines the influence of technology acceptance factors, namely performance expectations, effort expectations, social influence, facilitating conditions, hedonic motivation, price value and habits on behavioral intentions, and the actual use of smartphones in strategic school management. This study involved a group of primary and secondary school administrators totaling 300 respondents in the Segamat district of Johor. This survey study involved 24 secondary schools and 85 primary schools. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26. The findings of this research demonstrate that all factors in the smartphone technology acceptance in the process of strategic school management by the group of school administrators in Segamat district in the state of Johor are at a high level, which is between the mean score value of 4.28 (SP .563) and the mean score value of 4.07 (SP .585). Meanwhile, the level of smartphone use in the school's strategic management process is also high: between the mean score value of 3.98 (SP .621) and the score value of 3.90 (SP .390).

Keywords: *Performance Expectancy (PE), Effort Expectancy (EE), Social Influence (SI), Facilitating Condition (FC), Hedonic Motivation (HM), Price Value (PV), Habit (H), Behaviour Intention (BI), Use Behavior (UB)*

PENGENALAN

Pada era teknologi dan globalisasi ini, penggunaan telefon pintar menjadi sangat penting dan digunakan dalam banyak bidang seperti pengurusan, pendidikan, perniagaan, muzik, dan komunikasi. Justeru, tidak hairanlah mengapa perkembangan dan penggunaan telefon pintar sangat drastik di seluruh dunia. Menurut Nmawston (2014), kajian Strategi Analitik mendedahkan satu billion unit telefon pintar digunakan di seluruh dunia dengan kadar nisbah 1:7 daripada setiap pengguna. Seterusnya, menurut laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) 2012, angka penuliran telefon pintar adalah pada kadar 1:4 pengguna dan laporan SKMM pada tahun 2023 meningkat kepada 1:4.8. Menurut Hussin et al. (2012), dapatan daripada kajian lepas pada tahun 2009 melaporkan bahawa setiap 100 rakyat Malaysia memiliki 110.8 telefon bimbit. Ini bermaksud bahawa setiap penduduk Malaysia memiliki lebih daripada satu telefon bimbit.

Telefon bimbit, jika mempunyai akses kepada internet, maka ia dianggap sebagai telefon pintar. Telefon pintar ialah alat yang canggih, sentiasa berubah fungsi serta bersifat mudah alih dan memberi peluang kepada pengguna untuk memperolehi maklumat tidak kira bila dan di mana saja (Al-Barashdi et al., 2015; Alfawareh Jusoh, 2014). Telefon pintar boleh berfungsi seperti komputer dan memberi banyak kelebihan serta keselesaan kepada pengguna. Kemudahan yang ada pada telefon pintar telah melonjakkan tahap penggunaan dan pemilikan telefon pintar serta cara dan tujuan menggunakannya

(Lay-Yee et al., 2013; Weinberg, 2012). Seterusnya, menurut Shin dan Ali (2020), perkembangan teknologi telah menambah fungsi telefon bimbit kepada telefon pintar dengan pelbagai aplikasi tambahan.

Di samping itu, penggunaan telefon pintar turut menyumbang kepada peningkatan interaksi melibatkan niat tingkah laku terhadap penggunaan teknologi dalam pengurusan dengan rakan-rakan sekerja dalam sesebuah organisasi. Menurut Wang et al. (2014), telefon pintar mengubah kehidupan seharian individu dan meningkatkan kaedah pencarian maklumat dalam masa yang singkat. Kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2017) menunjukkan bahawa penggunaan internet di Malaysia pada tahun 2016 adalah sebanyak 24.5 juta orang, di mana telefon pintar menjadi alat utama untuk melayari internet.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap faktor-faktor penerimaan teknologi dan niat tingkah laku menggunakan telefon pintar sebagai alat untuk membantu dalam proses pengurusan strategik sekolah di Malaysia. Model UTAUT2 telah dibangunkan oleh Venkatesh et al. (2012). Model UTAUT1 yang dibangunkan pada awalnya mempunyai empat konstruk utama, iaitu jangkaan prestasi dan usaha, keadaan memudahkan dan pengaruh sosial untuk menggunakan sesuatu teknologi, dan penggunaan sebenar secara berterusan. Kemudian, UTAUT2 menambah tiga lagi konstruk daripada model UTAUT sebelumnya, iaitu motivasi hedonik, nilai harga, dan tabiat (Baptista & Oliveira, 2015). Semua konstruk daripada model UTAUT2 digunakan dalam kajian ini iaitu *variable* tak bersandar (IV) yang terdiri daripada Jangkaan Prestasi (PE), Jangkaan Usaha (EE), Pengaruh Sosial (SI), Keadaan Kemudahan (FC), Motivasi Hedonik (HM), Nilai Harga (PV) dan Pengaruh Tabiat (H). Seterusnya, *Variable* bersandar (DV) terdiri daripada Niat Tingkah laku (BI) dan Penggunaan Sebenar (UB). Niat tingkah laku (BI) juga bertindak sebagai pengantara (*mediator*) faktor-faktor penggunaan teknologi dan penggunaan sebenar teknologi. Seterusnya, faktor-faktor moderator asal daripada model UTAUT2 iaitu umur, jantina, dan pengalaman digunakan. Ini adalah bertujuan untuk menganalisis niat tingkah laku dan penggunaan sebenar telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah mengikut demografik sekolah-sekolah di Malaysia. Menurut Hamdan et al. (2015), kajian model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT2) di Malaysia sering menumpukan kepada aplikasi UTAUT2 dalam bidang pendidikan, seperti penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran. Hal ini berlainan di negara lain yang menunjukkan beberapa perbezaan yang ketara. Kajian mereka lebih meluas, termasuk dalam sektor kesihatan dan perniagaan, dengan fokus kepada faktor budaya dan ekonomi yang mempengaruhi penerimaan teknologi.

Selain itu, penyelidikan ini bertujuan menganalisis tahap penggunaan teknologi telefon pintar terhadap niat tingkah laku dan penggunaan sebenar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Proses pengurusan strategik adalah satu set kemahiran pengurusan yang digunakan di seluruh organisasi, terutamanya untuk semua kumpulan pemimpin sekolah dalam pelbagai fungsi untuk mencapai visi dan misi organisasi atau matlamat.

Penyelidikan ini penting untuk menganalisis proses pengurusan strategik di peringkat sekolah pada masa kini dan bagaimana penggunaan telefon pintar membantu meningkatkan usaha memahami, menyediakan, melaksanakan, menilai, dan mengawal perancangan strategik sekolah. Pelaksanaan proses ini mengambil kira aspek seperti faktor-faktor penerimaan, niat tingkah laku menggunakan, dan penggunaan sebenar teknologi iaitu telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Menurut Wheelen dan Hunger (2014), aktiviti dalam proses pengurusan strategik yang dinyatakan (formulasi, implimentasi, penilaian dan kawalan) boleh berlaku pada mana-mana peringkat proses pengurusan strategik dalam sesebuah organisasi. Maka, penggunaan telefon pintar amat sesuai digunakan dalam penyelidikan ini kerana teknologi telefon pintar berupaya memberi akses kepada maklumat tentang perkara-perkara dalam pengurusan strategik sekolah dengan segera. Menurut Nazemi et al. (2015), terdapat lapan halangan berbeza dalam mengurus proses pengurusan strategik, iaitu halangan budaya,

sumber daya yang tidak mencukupi, halangan struktur, kekurangan langkah pencapaian yang berkesan, halangan pengurusan, halangan alam sekitar, halangan pengurusan sumber manusia, dan perumusan strategi yang tidak mencukupi.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, penggunaan teknologi seperti telefon pintar dalam proses pengurusan strategik menjadi semakin penting. Menurut Alharbi dan Drew (2014), penyelidikan berkaitan niat tingkah laku penggunaan telefon pintar di negara maju banyak bertumpu kepada faktor pengaruh sosial (SI) dan motivasi hedonik (HM). Di negara sedang membangun, nilai harga (PV) dan keadaan memudahkan (FC) menjadi faktor penting niat tingkah laku menggunakan telefon pintar. Peralatan seperti telefon pintar telah banyak mengubah cara bekerja (Köffer et al., 2015). Selain itu, Teo (2013) dalam penyelidikannya mendapati bahawa sangat kurang maklumat berkenaan keberkesanan yang menjelaskan tahap niat tingkah laku pengguna untuk menggunakan sesuatu teknologi dikaji, terutamanya teknologi telefon pintar. Jangkaan Prestasi (PE), Jangkaan Usaha (EE), Pengaruh Sosial (SI), Keadaan Kemudahan (FC), Motivasi Hedonik (HM), Nilai Harga (PV), dan Pengaruh Tabiat (H) ialah tujuh faktor model penerimaan teknologi yang mempengaruhi niat tingkah laku menggunakan teknologi. Seterusnya, Suki (2016) mendapati bahawa Nilai Harga (PV) dan Keadaan Memudahkan (FC) menjadi faktor penentu dalam penerimaan teknologi di kalangan pengguna pendapatan rendah, menunjukkan bahawa model UTAUT2 perlu mengambil kira konteks ekonomi. Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Noraini et al. (2015) menunjukkan bahawa para pengetua mempunyai tahap penggunaan teknologi yang tinggi seperti telefon pintar dalam pengurusan sekolah. Namun, terdapat masalah lain untuk mengimplimentasikan teknologi tersebut dalam proses pengurusan strategik di sekolah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis sama ada tahap faktor-faktor penerimaan teknologi telefon pintar dan niat tingkah laku menggunakannya mempengaruhi proses pengurusan strategik di sekolah. Seterusnya, penyelidikan ini menganalisis tahap penggunaan sebenar telefon pintar dalam proses formulasi pengurusan strategik, proses implimentasi pengurusan strategik, dan proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik di sekolah. Melalui penyelidikan ini, kumpulan pentadbir sekolah boleh mengenal pasti faktor tingkah laku yang dominan yang memberi impak dan yang paling kurang memberi impak kepada proses pengurusan strategik sekolah.

Kajian ini diharap dapat meningkatkan penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah dan memperbaiki pengurusan strategik sekolah agar visi dan misi sekolah tercapai. Penggunaan telefon pintar melalui semua faktor daripada UTAUT2 dan melalui semua proses dalam pengurusan strategik yang dikaji diharap dapat membantu pentadbir-pentadbir sekolah memilih faktor yang terbaik dan mencari jalan untuk memperbaiki proses pengurusan strategik sekolah. Seterusnya, dapat juga mengurus proses pengurusan strategik sekolah dengan teratur, cepat, dan bertindak balas pantas. Kajian ini juga berguna untuk Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji potensi telefon pintar dalam kejayaan proses pengurusan strategik sekolah-sekolah di Malaysia di masa hadapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif seperti berikut:

1. Mengetahui tahap faktor-faktor penerimaan teknologi dalam proses pengurusan strategik sekolah.
2. Mengetahui tahap penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah.

SOROTAN KAJIAN

Bahagian ini meliputi beberapa aspek merangkumi pengurusan strategik, telefon pintar, dan faktor-faktor penerimaan teknologi.

Pengurusan Strategik

Pengurusan strategik ialah satu rangkaian keputusan dan tindakan pengurusan yang membantu menentukan prestasi jangka panjang sesuatu organisasi. Walaupun pada asalnya pengurusan digunakan dalam bidang perniagaan, pengurusan strategik telah berkembang dengan ketara kerana banyak kajian telah dijalankan dalam bidang ini (Wheelen & Hunger, 2017). Manakala, David (2011) menjelaskan pengurusan strategik sebagai seni dan sains yang dapat merumuskan, melaksanakan, dan menilai keputusan perkara yang dirancang dan membolehkan organisasi mencapai matlamat. David (2011) juga menyatakan, pengurusan strategik ialah satu set keputusan dan tindakan yang menentukan prestasi jangka panjang sesebuah organisasi. Antara jenis pengurusan strategik termasuklah analisis persekitaran, strategi, strategi pelaksanaan, dan penilaian dan kawalan. Penilaian dan kawalan tentang kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman adalah penting untuk dianalisis bagi memastikan pengurusan strategik sesebuah organisasi (Wheelen & Hanger, 2010). Kajian oleh Osman dan Sulaiman (2022) telah membincangkan peranan kepimpinan dalam proses pengurusan strategik sekolah di Malaysia dan bagaimana pengurusan strategik boleh mempengaruhi hasil pendidikan yang lebih berkualiti. Seterusnya, Hussin dan Mohd (2021) telah mengkaji pelaksanaan pengurusan strategik dalam konteks sekolah di Malaysia dengan mengutamakan kepimpinan dan perancangan dalam mencapai objektif pengurusan sekolah yang berkesan.

Formulasi ialah satu proses yang sangat sukar dan mencabar untuk dijalankan. Menurut Ondera (2013), formulasi strategi melibatkan penganalisan persekitaran dalaman dan luaran bagaimana organisasi beroperasi, kemudian membuat satu siri keputusan strategik mengenai bagaimana organisasi akan bersaing. Kajian oleh Ibrahim dan Abdullah (2022) memberi perhatian kepada bagaimana sekolah-sekolah di Malaysia mengaplikasikan proses pengurusan strategik mengikut langkah-langkah formulasi, implimentasi, penilaian, dan kawalan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat peningkatan prestasi pengurusan sekolah. Rumusan berakhir dengan beberapa siri tujuan atau objektif dan langkah-langkah untuk meneruskan organisasi diperbaiki. Pengurusan strategik ialah penganalisan persekitaran melibatkan proses formulasi, implimentasi, penilaian, dan kawalan. Ini adalah untuk memastikan objektif jangka panjang sesebuah organisasi tercapai secara efektif dan lancar (Tapera, 2014). Budaya kerja atau amalan yang dilakukan dalam sesuatu organisasi sangat penting dalam memastikan kejayaan sesuatu perancangan strategik. Pengurusan strategik yang dilaksanakan dalam sesuatu organisasi memerlukan budaya organisasi yang menyokong prestasi unggul untuk dicapai (David, 2013). Semua proses pengurusan strategik harus dipadankan dengan budaya yang betul dalam organisasi. Budaya atau amalan pengurusan strategik adalah sangat penting dalam organisasi kerana ia merupakan penentu tingkah laku pekerja semasa pelaksanaan pengurusan strategik. Oleh itu, budaya organisasi mestilah konsisten dengan pengurusan strategik untuk mencapai tahap prestasi yang diinginkan.

Telefon Pintar

Menurut Al-Barashdi et al. (2015), telefon pintar merupakan alat yang canggih, dinamik, serta bersifat mudah alih yang memberi ruang kepada pengguna untuk mendapat akses maklumat tidak kira bila dan di mana. Seterusnya, Alfawareh dan Jusoh (2014) turut bersependapat dengan menyatakan bahawa telefon pintar boleh diakses dengan mudah. Telefon pintar mampu beroperasi seperti komputer dan memberi banyak kemudahan kepada pengguna. Telefon pintar juga meningkatkan tahap pemilikan alat tersebut serta cara dan tujuan penggunaannya (Lay-Yee et al., 2013; Weinberg, 2012).

Telefon pintar mempunyai banyak kelebihan dan banyak aktiviti boleh dilaksanakan dengan telefon pintar seperti perkongsian maklumat, melayari internet, menghantar dokumen, dan menghantar laporan (Al-Barashdi et al., 2015). Kemudahan untuk merakam gambar secara mudah serta aplikasi yang pelbagai turut menyumbang kepada meningkatkan penggunaan telefon pintar (Weinberg, 2012). Kepelbagaian aplikasi pada telefon pintar menjadinya alat popular dalam kalangan pengguna, khususnya untuk tujuan sosial yang mampu meningkatkan komunikasi (Hong et al., 2012). Memiliki telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam hidup seharian penduduk Malaysia. Menurut Song et al. (2013), sebanyak 40% daripada rakyat Malaysia secara individu mempunyai lebih daripada dua telefon bimbit. Alat ini mirip kepada komputer peribadi dan memudahkan pengguna mendapatkan sebarang akses maklumat, sama ada yang formal atau yang tidak formal pada bila-bila masa, secara cepat dan tepat.

Model UTAUT2 dan Faktor-Faktor Penerimaan Teknologi

Model UTAUT ini dibina oleh Venkatesh et al. (2003). Model ini merupakan satu konsep terpenting kerana menggabungkan lapan teori yang berbeza dan mengintegrasikannya untuk mewujudkan satu model yang nyata (Im et al., 2011). Semua lapan teori yang digabungkan adalah: (1) Teori Tindakan Beralasan (TRA), (2) Model Penerimaan Teknologi (TAM), (3) Model Motivasi (MM), (4) Teori Perilaku Terencana (TPB), (5) Model Penerimaan Teknologi dan Teori Perilaku Tindakan Beralasan Gabungan (C-TAM-TPB), (6) Model Penggunaan PC (MPCU), (7) Teori Difusi Inovasi (IDT), dan (8) Teori Kognitif Sosial (SCT) (Venkatesh et al., 2003). Model penerimaan dan penggunaan teknologi yang bersepadu (UTAUT) mengandungi empat konstruk pemboleh ubah bebas, iaitu jangka prestasi (PE), jangkaan usaha (EE), pengaruh sosial (SI), dan keadaan memudahkan (FC), dua konstruk pemboleh ubah bersandar iaitu niat tingkah laku (BI) dan penggunaan sebenar (UB), dan empat moderator iaitu umur, jantina, pengalaman, dan penggunaan secara sularela untuk meningkatkan ketepatan ramalan.

Seterusnya, Venkatesh et al. (2012), turut mencadangkan untuk memperluas model asal UTAUT dan membangun model UTAUT 2. Model UTAUT2 adalah lebih komprehensif untuk diterima pengguna yang meliputi tujuh faktor bebas iaitu tambahan motivasi hedonik (HM), nilai harga (PV) serta tabiat (H) (Venkatesh et al., 2012). Menurut Duarte dan Pinho (2019) serta Schmitz et al. (2022), tujuh konstruk ini sebagai konstruk pemboleh ubah bebas dapat meramal niat tingkah laku dan penggunaan sebenar teknologi dengan ketepatan 74%. Kajian lepas banyak menggunakan model UTAUT dalam penyelidikan niat penggunaan dan penggunaan sebenar telefon pintar dalam perniagaan (Chand & Kumar, 2024; Dagnoush & Khalifa, 2021; Sair & Danish, 2018; Tannady et al., 2024). Seterusnya, kajian oleh Zulkefly dan Mat (2021) mendapati penerimaan pembelajaran menggunakan telefon pintar di kalangan pelajar universiti di Malaysia dengan menggunakan model UTAUT2 bagi mengukur faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku mereka menggunakan telefon pintar. Penyelidik telah menggunakan kesemua tujuh konstruk pemboleh ubah bebas dan niat tingkah laku sebagai pemboleh ubah bersandar.

Jangkaan Prestasi (PE) sangat mempengaruhi penggunaan sesuatu teknologi dalam pengurusan. Jangkaan Prestasi dianggap dapat membantu memudahkan tugas pentadbiran. Seterusnya, kajian Abu Shanab dan Pearson (2007) di Jordan menunjukkan bahawa pelanggan yang mempunyai Jangkaan Prestasi yang tinggi juga mempunyai niat tingkah laku yang tinggi dalam penggunaan perbankan internet. Jangkaan Usaha (EE) merujuk kepada mudahnya untuk digunakan sesuatu teknologi (Jambulingam, 2013). Kajian oleh Teo dan Noyes (2012), menggunakan soal selidik terhadap guru pelatih di Singapura mendapati Jangkaan Usaha (EE) mempunyai pengaruh terhadap niat tingkah laku untuk menggunakan teknologi.

Pengaruh Sosial (SI) ialah tahap persepsi setakat mana seseorang individu percaya bahawa dia patut menggunakan sesuatu teknologi dan dia dapat berhubung di antara rakan sekerja dan pihak luar dalam

menjalankan tugas (Leong et al., 2013). Menurut Akour (2009), pengaruh rakan sebaya sangat kuat di kalangan pelajar dalam menggunakan pembelajaran dalam talian di universiti Oklahoma.

Jangkaan Keadaan Memudahkan (FC) adalah tahap sejauh mana seseorang individu tersebut yakin bahawa sesebuah organisasi dan infrastruktur teknikal yang dimiliki akan menyokong penggunaan teknologi seperti telefon pintar dalam urusan kerja seharian (Venkatesh et al., 2001). Kajian yang dijalankan oleh Yeoh dan Chan (2011) mendapati bahawa jangkaan keadaan memudahkan mempengaruhi niat tingkah laku menggunakan perbankan internet. Dapatan ini adalah berdasarkan kajian soal selidik yang dikumpul dari responden yang berumur 21 hingga 50 tahun di Malaysia (Wu et al., 2008).

Niat tingkah laku (BI) merujuk kepada niat yang berlaku kuat terhadap penggunaan teknologi dalam sebarang bidang tugas termasuk bidang pengurusan (Venkatesh et al., 2003). Niat tingkah laku akan menunjukkan bila ia akan digunakan dan niat adalah kuat apabila telah dirancang dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Islam et al. (2013) mendefinisikan niat tingkah laku sebagai niat seseorang individu untuk bertindak apabila diberikan sesuatu tugas dan selalunya selari dengan kehendak skop kerja. Motivasi hedonik (HM) ialah kepuasan yang dialami oleh pengguna dalam menggunakan teknologi (Brown & Venkatesh, 2005). Menurut To et al. (2007), motivasi pembelian melalui internet oleh kalangan orang dewasa di Taiwan daripada segi hedonik mempunyai hubungan langsung dengan niat untuk membeli. Seterusnya, Magni et al. (2010) menyatakan bahawa faktor hedonik mempengaruhi niat individu untuk mendalami sesuatu teknologi tetapi kesannya berbeza mengikut peringkat penggunaan teknologi.

Nilai harga (PV) sesuatu teknologi bergantung kepada apa yang teknologi itu boleh berikan kepada seseorang. Jika harga sangat tinggi dan teknologi tersebut membantu dalam urusan kerja seharian, maka teknologi itu dianggap penting (Venkatesh et al., 2012). Faktor nilai harga berdasarkan kepada model UTAUT2 adalah berkaitan bagaimana sumbangan teknologi yang dibeli atau dibekalkan itu memberikan hasil yang berpatutan dengan nilai yang dibeli dalam menjalankan tugas individu tersebut. Kajian Prata et al. (2012) di Brazil mendapati bahawa faktor harga merupakan perkara yang sangat penting dalam menentukan pembelian sesuatu telefon pintar. Tabiat (HT) mengikut model UTAUT2 ialah tingkah laku secara automatik daripada seseorang individu untuk menggunakan teknologi. Penggunaan teknologi menjadi satu kebiasaan dalam menjalankan tugas berkaitan (Kisanayotin et al., 2009). Pahnla Siponen dan Zheng (2011) dalam kajian mereka tentang perniagaan Tao Bao yang dijalankan secara dalam talian di Universiti Shanghai mendapati bahawa tabiat mempengaruhi penggunaan.

METODOLOGI

Bahagian ini menghuraikan beberapa aspek berkaitan metodologi kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian penyelidikan ini menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) yang dikembangkan oleh Nie et al. (1968). Kajian ini merupakan pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan yang mana kelebihan kaedah ini adalah ia dapat mengukur persepsi, pendapat, atau tingkah laku kumpulan pentadbir sekolah terhadap penggunaan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah. Kaedah ini kerap digunakan kerana merupakan cara yang paling berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat dalam satu-satu masa (Kumar et al., 2013). Pengumpulan data dilakukan sekali sahaja secara keratan rentas silang melalui penggunaan soal selidik Data juga dianalisis menggunakan SPSS versi 26 kerana menurut Cohen dan Cohen (2020), analisis menggunakan SPSS adalah mesra pengguna dan membolehkan pelbagai analisis dijalankan termasuk analisis regresi dan faktor, uji hipotesis, dan analisis varian (ANOVA). Hasil analisis juga mempunyai tahap kebolehpercayaan yang

tepat dan mampu menganalisis data yang besar. Tambahan pula, menurut Ramdas dan Rassiah (2022), rasional penggunaan SPSS adalah untuk memudahkan proses analisis data, mengurangkan kesilapan, dan meningkatkan ketepatan hasil penyelidikan. Selain itu, Field (2020) mendapati bahawa SPSS merupakan aplikasi yang kerap digunakan dalam kajian sains sosial kerana ia dapat menghasilkan analisis statistik yang tepat dan sangat sistematik.

Persampelan Kajian

Pensampelan melibatkan pemilihan dan kajian sebahagian kecil populasi untuk membolehkan generalisasi mengenai populasi tersebut (Sekaran & Bougie 2013). Ringkasnya, persampelan melibatkan penyelidikan terhadap sampel yang dipilih untuk digunakan sebagai representasi populasi kajian. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata kerana sampel yang dipilih mampu mewakili populasi yang sebenar serta memudahkan proses pengumpulan data (Chua, 2011). Kaedah pemilihan sampel kajian ini juga turut mengambil kira faktor populasi yang tidak seragam, di mana banyak sub sampel datang daripada jenis sekolah yang berbeza iaitu daripada kategori sekolah menengah, kebangsaan, jenis kebangsaan Cina dan jenis kebangsaan Tamil. Menurut Creswell (2014), teknik pensampelan berstrata ialah teknik yang paling praktikal dan sesuai untuk meningkatkan sifat representatif sampel terhadap populasi. Menurut Babbie (2020), persampelan rawak berstrata akan memastikan bahawa setiap kumpulan dalam populasi yang dikaji terlibat secara tepat mengikut kategori yang ditetapkan. Melalui penggunaan persampelan berstrata ini, anggaran yang diperolehi daripada sampel adalah lebih tepat kerana semua strata diwakili terdapat dalam sampel (Zainudin, 2012). Seterusnya, persampelan berstrata dapat menghasilkan kesahan sampel yang lebih tepat kerana sampel-sampel diagihkan lebih kurang sama banyak antara setiap strata (Bryman & Cramer, 2011). Seterusnya, jumlah sampel yang diperolehi ini akan lebih menjadi lebih tepat dan dipercayai untuk menggambarkan keseluruhan populasi. Berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan di atas dan untuk menentukan jumlah sampel, penyelidik telah menggunakan kaedah Krejcie dan Morgan (1970). Populasi yang terlibat dalam penyelidikan ialah seramai 436 orang, dan sampel kajian iaitu kumpulan pentadbir yang berkhidmat di sekolah seramai 205 orang ialah sampel yang ideal. Selanjutnya, penyelidik membundarkan saiz sampel kepada 300 orang untuk memenuhi prosedur kajian yang menetapkan 4 orang daripada setiap sekolah mewakili sampel sekolah yang terpilih. Langkah seterusnya, untuk menentukan jumlah minimum sampel bagi setiap sekolah, penyelidik menggunakan penentuan perkadaran sampel oleh Chua (2011). Berikut ialah pengiraan yang digunakan bagi menentukan perkadaran sampel tersebut: setiap sekolah diwakili oleh 4 orang sampel yang terdiri daripada guru besar atau pengetua, penolong kanan pentadbiran kurikulum, penolong kanan pentadbiran ko-kurikulum, serta penolong kanan pentadbiran hal ehwal murid.

Instrumen Kajian

Tajuk soal selidik dalam penyelidikan ini adalah Penggunaan Telefon Pintar Dalam Proses Pengurusan Strategik Sekolah. Soal selidik ini telah diubah suai daripada model UTAUT2 yang dibangunkan oleh Venkatesh et al. (2012). Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian yang dimulai oleh Bahagian A: Maklumat demografi. Bahagian B pula menguji sama ada faktor-faktor penerimaan teknologi mempengaruhi tingkah laku kumpulan pentadbir menggunakan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah. Bahagian ini mempunyai soalan tertutup di mana responden boleh menanda jawapan dalam bentuk skala Likert sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5). Bahagian C pula menguji sama ada niat kumpulan pentadbir sekolah menggunakan telefon pintar mempengaruhi penggunaan sebenar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Bahagian ini mempunyai soalan tertutup di mana responden boleh menanda jawapan dalam bentuk skala Likert sangat tidak pernah (1) hingga sangat kerap (5). Bahagian yang terakhir ialah Bahagian D: Maklumat lain tentang penggunaan telefon pintar dan cadangan. Bahagian ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan penggunaan telefon pintar dan cadangan penggunaan telefon pintar, tujuan penggunaan, dan komponen mana dalam proses pengurusan strategik digunakan. Untuk mendapatkan cadangan daripada responden, soalan terbuka telah dikemukakan.

Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik telah mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Langkah berikutnya ialah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD). Seterusnya, penyelidik telah memohon kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Pendidikan Daerah Segamat (PPD Segamat). Surat kebenaran daripada JPNJ dan PPD Segamat telah diserahkan kepada pengetua dan guru besar sekolah-sekolah yang terlibat. Setelah dipersetujui, soal selidik dihantar kepada kumpulan pentadbir sekolah-sekolah di daerah Segamat. Semasa mentadbirkan soal selidik, penerangan tentang tujuan kajian disampaikan oleh penyelidik dengan memuat naik perkara-perkara berkaitan sebagai panduan dan bertujuan memudahkan pemahaman responden. Penyelidikan ini menggunakan telefon pintar untuk menghantar soal selidik melalui platform Google Forms dan aplikasi Telegram kerana kaedah ini adalah sangat mesra pengguna dan boleh diakses dengan mudah. Semua sekolah di daerah Segamat mempunyai capaian internet yang sangat efisien dan boleh mencapai kawasan bandar dan luar bandar dengan kadar yang cepat dan murah. Kos pengurusan soal selidik menerusi platform Google Forms atau secara atas talian sangat murah berbanding dengan kaedah lain (Frankfort-Nachmias et al., 2015; Gunn, 2002).

Analisis Data

Analisis deskriptif merupakan salah satu analisis statistik yang diaplikasikan untuk menjelaskan atau memberi gambaran tentang subjek yang diuji melalui data sampel atau populasi sebenar tanpa membuat perubahan dan kesimpulan mengikut kehendak penyelidik yang biasanya berlaku dalam penyelidikan (Ferdinand, 2014). Analisis deskriptif bermaksud menjelaskan subjek penyelidikan, membandingkan responden mengikut ciri-ciri mereka, dan mengukur kecenderungan tanggapan responden terhadap persoalan yang berkaitan dengan indikator pemboleh ubah penyelidikan. Statistik deskriptif dan datanya menerangkan secara ringkas dan tepat terhadap ukuran-ukuran seperti purata, sisihan piawai, median, dan julat. Datanya pula dapat dibaca dengan mudah yang disertakan gambaran visual yang memberi gambaran jelas. Teknik yang sering digunakan untuk memetakan respon responden ialah min atau purata dan analisis indeks. Nilai min atau purata ialah jumlah seluruh data yang dibahagi dengan banyaknya menurut data yang ada. Min merupakan kaedah ukuran penengah yang paling umum digunakan kerana ia merupakan cara termudah untuk mendeskripsikan data (Kuncoro, 2013). Seterusnya, untuk menilai tahap setiap pemboleh ubah, kesemua pemboleh ubah dibahagikan kepada lima skor purata, iaitu sangat lemah, lemah, sederhana, baik, dan cemerlang. Ini diikuti dengan analisis skor min untuk setiap pemboleh ubah yang diperolehi dengan mencari perbezaan skor tertinggi dan terendah bagi skala yang digunakan. Kaedah penentuan skor bagi semua sembilan konstruk dalam instrumen ini ditentukan dengan merujuk min skor bagi item-item di bawah setiap konstruk berkenaan.

DAPATAN KAJIAN

Data diperolehi daripada 300 orang responden yang terdiri daripada kumpulan pentadbir sekolah iaitu pengetua/guru besar, penolong kanan pentadbiran, hal ehwal murid, dan kokurikulum di sekolah kerajaan daerah Segamat, negeri Johor. Semua data kajian telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai.

Tahap Faktor-Faktor Penerimaan Teknologi Dalam Proses Pengurusan Strategik Sekolah

Terdapat lapan faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan teknologi dalam proses pengurusan strategik sekolah di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat di negeri Johor.

Jadual 1.*Analisis Deskriptif Konstruk Jangkaan Prestasi (PE)*

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	PE1	Saya memiliki telefon pintar dan menggunakannya dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.30	.593	Tinggi
2	PE2	Menggunakan telefon pintar meningkatkan peluang saya untuk mencapai tugas-tugas dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.30	.616	Tinggi
3	PE3	Menggunakan telefon pintar membantu saya menyelesaikan perkara-perkara dalam proses formulasi Pengurusan Strategik dengan lebih cepat.	4.28	.634	Tinggi
4	PE4	Menggunakan telefon pintar meningkatkan prestasi kerja saya dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.26	.634	Tinggi
5	PE5	Penggunaan telefon pintar mempunyai banyak kelebihan untuk menjalankan kerja dengan lebih baik	4.28	.628	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Merujuk kepada Jadual 1, konstruk Jangkaan Prestasi (PE) mempunyai sebanyak 5 item yang telah dikemukakan kepada responden kajian. Melalui taburan data yang diperolehi, hasil analisis menunjukkan item 2 (PE2) iaitu ‘menggunakan telefon pintar meningkatkan peluang saya untuk mencapai tugas-tugas dalam proses pengurusan strategik sekolah’ menunjukkan tahap yang tertinggi dengan skor min 4.30 (SP .616). Manakala, item 4 (PE4) iaitu ‘menggunakan telefon pintar meningkatkan prestasi kerja dalam proses pengurusan strategik sekolah’ dengan skor min 4.26 (SP .634) memduduki tempat yang terbawah diantara 5 item dalam konstruknya. Namun tahap item 4 (PE) masih menunjukkan tahap yang tinggi. Sebagaimana dinyatakan oleh Venkatesh et al. (2003), penggunaan teknologi secara berterusan akan menjadikan seseorang mahir dalam menggunakannya. Secara keseluruhannya, semua lima item Jangkaan Prestasi (PE) berada pada tahap tinggi dengan julat min antara 4.30 (SP .616) dan min 4.26 (SP .634). Ini menunjukkan semua item dalam konstruk Jangkaan Prestasi di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat dalam penggunaan telefon pintar dalam proses strategik sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 2.*Analisis Deskriptif Konstruk Jangkaan Usaha (EE)*

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
6	EE1	Belajar menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik adalah mudah untuk saya.	4.25	.645	Tinggi
7	EE2	Interaksi menggunakan telefon pintar adalah jelas dan mudah difahami dalam kalangan ahli yang terlibat dalam proses pengurusan strategik sekolah.	4.25	.634	Tinggi

8	EE3	Saya dapati telefon pintar meningkatkan kemahiran saya dalam tugas harian di sekolah mengikut proses pengurusan strategik	4.20	.649	Tinggi
9	EE4	Mudah bagi saya untuk mendapatkan maklumat proses Pengurusan Strategik sekolah menggunakan telefon pintar	4.30	.651	Tinggi
10	EE5	Telefon pintar mudah digunakan dalam menjalankan tugas seharian.	4.38	.619	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 2 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Jangkaan Usaha (EE). Hasil analisis menunjukkan item 10 (EE5) iaitu ‘telefon pintar mudah digunakan dalam menjalankan tugas seharian’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruksinya dengan skor min 4.38 (SP .619) dan nilai min terendah dalam konstruksinya ialah item 8 (EE3) iaitu ‘telefon pintar meningkatkan kemahiran saya dalam tugas harian di sekolah mengikut proses pengurusan strategik’ dengan nilai min 4.20 (SP .649). Hasil analisis menunjukkan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat mempunyai usaha yang tinggi serta memahami untuk menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Menurut Venkatesh et al. (2003), usaha untuk mempelajari sistem teknologi yang diperkenalkan akan menjadikan seseorang lebih mahir untuk menggunakannya. Secara keseluruhan, setiap komponen dalam konstruk jangkaan Usaha mempunyai tahap yang tinggi.

Jadual 3.

Analisisi Deskriptif Konstruk Pengaruh Sosial (SI)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
11	SI1	Ahli-ahli yang terlibat dalam proses Pengurusan Strategik sekolah harus menggunakan telefon pintar.	4.30	.616	Tinggi
12	SI2	Semua ahli di sekolah mempengaruhi kelakuan saya untuk menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik.	4.04	.786	Tinggi
13	SI3	Ahli-ahli yang terlibat dalam proses pengurusan strategik sekolah berpendapat bahawa adalah lebih baik memilih menggunakan telefon pintar berbanding dengan lain-lain peralatan komunikasi lain.	4.04	.724	Tinggi

14	SI4	Saya akan menggunakan telefon pintar kerana semua rakan saya menggunakannya.	4.11	.798	Tinggi
15	SI5	Cadangan dan galakan rakan akan mempengaruhi saya menggunakan telefon pintar.	3.94	.812	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 3 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Pengaruh Sosial (SI). Hasil analisis menunjukkan item 11 (SI1) iaitu ‘ahli-ahli yang terlibat dalam proses Pengurusan Strategik sekolah harus menggunakan telefon pintar’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruksya dengan skor min 4.30 (SP .616) dan nilai min terendah dalam konstruksya ialah item 15 (SI5) iaitu ‘cadangan dan galakan rakan akan mempengaruhi penggunaan telefon pintar’ dengan nilai min 3.94 (SP .812). Hasil analisis menunjukkan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat menggunakan telefon pintar dan rakan sekerja mempengaruhi penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Menurut Venkatesh et al. (2003), pengaruh positif orang di sekeliling kita akan meningkatkan pengaruh penerimaan teknologi. Secara keseluruhan, setiap komponen dalam konstruk Pengaruh Sosial mempunyai tahap ketinggian yang tinggi.

Jadual 4.

Analisisi Deskriptif Konstruk Keadaan Memudahkan (FC)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
16	FC1	Saya mempunyai kemudahan capaian internet yang diperlukan untuk menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik	4.19	.699	Tinggi
17	FC2	Saya mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk menggunakan Telefon Pintar dalam proses pengurusan strategik	4.07	.630	Tinggi
18	FC3	Telefon pintar saya setanding dengan teknologi lain yang saya gunakan dalam proses pengurusan strategik	4.01	.684	Tinggi
19	FC4	Saya boleh mendapatkan bantuan daripada orang lain apabila saya mengalami kesukaran menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik	4.19	.614	Tinggi

20	FC5	Saya menguasai cara penggunaan telefon pintar dengan baik.	4.05	.642	Tinggi
----	-----	--	------	------	--------

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 4 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Keadaan Memudahkan (FC). Hasil analisis menunjukkan item 16 (FC1) iaitu ‘kemudahan capaian internet yang diperlukan untuk menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruksya dengan skor min 4.19 (SP .699) dan nilai min yang terendah dalam konstruksya ialah item 18 (FC3) iaitu ‘telefon pintar setanding dengan teknologi lain yang gunakan dalam proses pengurusan strategik’ dengan nilai min 4.01 (SP .684). Hasil analisis menunjukkan konstruk Keadaan Memudahkan iaitu capaian internet yang baik membolehkan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Menurut Venkatesh et al. (2003), kemudahan dan infrastruktur sokongan yang disediakan oleh pihak bertanggungjawab mendorong penggunaan teknologi yang diperkenalkan. Secara keseluruhan, setiap elemen dalam rangka kerja Keadaan Memudahkan dibangunkan dengan sangat baik.

Jadual 5.

Analisisi Deskriptif Konstruk Motivasi Hedonik (HM)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
21	HM1	Menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah adalah menyeronokkan.	4.08	.687	Tinggi
22	HM2	Menggunakan telefon pintar meningkatkan motivasi saya dalam proses Pengurusan Strategik.	4.12	.680	Tinggi
23	HM3	Menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan starategik sekolah meningkatkan minat saya dalam menjalankan kerja-kerja pengurusan di sekolah	4.06	.708	Tinggi
24	HM4	Menggunakan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah adalah sangat membantu saya dalam mendapatkan tindak balas segera	4.31	.623	Tinggi
25	HM5	Saya sangat puas hati menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah.	4.20	.627	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 5 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Motivasi Hedonik (HM). Hasil analisis menunjukkan item 24 (HM4) iaitu ‘menggunakan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah adalah sangat membantu dalam mendapatkan tindak balas segera’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruksya dengan skor min 4.31 (SP .623) dan nilai min yang terendah dalam konstruksya ialah item 23 (HM3) iaitu ‘menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan starategik sekolah meningkatkan minat dalam menjalankan kerja-kerja pengurusan di sekolah’ dengan nilai min

4.06 (SP .708). Hasil analisis menunjukkan konstruk Motivasi Hedonik iaitu ‘mendapat tindak balas segera berkaitan proses pengurusan strategik sekolah’ memotivasi kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Secara keseluruhan semua item dalam konstruk Motivasi hedonik berada pada tahap tinggi.

Jadual 6.

Analisisi Deskriptif Konstruk Nilai harga (PV)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
26	PV1	Telefon pintar saya mempunyai nilai harga berpatutan dengan tugas proses pengurusan strategik yang saya lakukan.	4.06	.631	Tinggi
27	PV2	Nilai harga telefon pintar saya adalah setanding dengan kerja yang saya boleh lakukan dalam proses pengurusan strategik sekolah.	4.04	.661	Tinggi
28	PV3	Harga telefon pintar pada masa kini lebih murah	4.17	.638	Tinggi
29	PV4	Saya mampu membeli telefon pintar dengan harga semasa di pasaran.	4.05	.714	Tinggi
30	PV5	Harga telefon pintar yang berbeza-beza tetapi fungsinya adalah setanding.	4.04	.685	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 5.00 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 6 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Nilai Harga (PV). Hasil analisis menunjukkan item 28 (PV3) iaitu ‘harga telefon pintar pada masa kini lebih murah’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruknya dengan skor min 4.17 (SP .638) dan nilai min yang terendah dalam konstruknya ialah item 27 (PV2) iaitu ‘nilai harga telefon pintar adalah setanding dengan kerja yang boleh lakukan dalam proses pengurusan strategik sekolah’ dengan nilai min 4.04 (SP .661). Hasil analisis menunjukkan konstruk Nilai Harga iaitu ‘nilai harga telefon pintar yang murah’ dan ‘dapat melakukan tugas proses pengurusan strategik sekolah’ membolehkan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Secara keseluruhan semua item dalam konstruk Nilai Harga berada pada tahap tinggi.

Jadual 7.

Analisisi Deskriptif Konstruk Tabiat (HT)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
31	HT1	Penggunaan telefon pintar telah menjadi kebiasaan untuk saya dalam proses pengurusan strategik	4.23	.617	Tinggi

32	HT2	Penggunaan telepon pintar menjadi keutamaan saya dalam proses pengurusan strategik sekolah.	4.04	.690	Tinggi
33	HT3	Saya pasti menggunakan telepon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah.	4.10	.679	Tinggi
34	HT4	Saya akan menggunakan telepon pintar tanpa di arah oleh orang lain.	4.28	.585	Tinggi
35	HT5	Menggunakan telepon pintar menjadi kebiasaan kepada saya.	4.32	.600	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 7 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Tabiat (HT). Hasil analisis menunjukkan item 35 (HT5) iaitu ‘menggunakan telepon pintar menjadi kebiasaan’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruknya dengan skor min 4.32 (SP .600) dan nilai min yang terendah dalam konstruknya ialah item 32 (HT2) iaitu ‘penggunaan telepon pintar menjadi keutamaan dalam proses pengurusan strategik sekolah’ dengan nilai min 4.04 (SP .690). Hasil analisis menunjukkan konstruk Tabiat iaitu ‘kebiasaan menggunakan telepon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah’ membolehkan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat mengurus proses pengurusan strategik sekolah dengan lebih baik. Secara keseluruhan semua item dalam konstruk Tabiat berada pada tahap tinggi.

Jadual 8.

Analisis Deskriptif Konstruk Niat Tingkah Laku (BI)

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
36	BI1	Saya berhasrat untuk terus menggunakan telepon pintar pada masa hadapan dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.24	.613	Tinggi
37	BI2	Saya merancang untuk terus menggunakan telepon pintar secara kerap dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.21	.659	Tinggi
38	BI3	Saya akan menggalakkan rakan sekerja menggunakan telepon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah	4.19	.623	Tinggi
39	BI4	Saya akan cuba menggunakan telepon pintar dalam menjalankan kerja seharian	4.25	.563	Tinggi
40	BI5	Saya akan menggunakan telepon pintar dengan lebih meluas dalam kerja-kerja pengurusan.	4.26	.576	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 8 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk konstruk Niat Tingkah Laku (BI). Hasil analisis menunjukkan item 40 (BI5) iaitu ‘menggunakan telepon pintar dengan lebih meluas dalam kerja-kerja pengurusan’ merupakan nilai tahap yang tertinggi dalam konstruknya dengan skor min 4.26 (SP

.576) dan nilai min yang terendah dalam kontruknya ialah item 38 (BI3) iaitu ‘menggalakkan kepada rakan sekerja menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah’ dengan nilai min 4.19 (SP .623). Hasil analisis menunjukkan konstruk Niat Tingkah Laku iaitu ‘keinginan untuk menggunakan telefon pintar dengan lebih kerap dan berterusan dalam proses pengurusan strategik sekolah’ telah meningkatkan tahap niat tingkah laku kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat untuk terus menggunakannya dalam proses pengurusan strategik sekolah dengan lebih baik. Secara keseluruhan semua item dalam konstruk Niat Tingkah laku berada pada tahap tinggi.

Tahap Penggunaan Telefon Pintar Dalam Proses Pengurusan Strategik Sekolah

Bagi menjawab persoalan kedua kajian iaitu ‘apakah tahap penggunaan telefon pintar dalam proses pegurusan strategik sekolah?’, penyelidik telah memilih seramai 300 responden daripada kumpulan pentadbir sekolah kerajaan di daerah Segamat, negeri Johor untuk terlibat dalam kajian. Analisis statistik deskriptif iaitu skor min (M) dan sisihan piawai (SP) digunakan untuk menjawab persoalan ini.

Jadual 9.

Analisis Deskriptif Konstruk Penggunaan Sebenar Telefon Pintar Dalam Pengurusan Strategik Sekolah (UB) Proses Formulasi Pengurusan Strategik Sekolah

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
41	UB FOR1	Saya menggunakan telefon pintar untuk mengenalpasti ancaman dan peluang luaran organisasi.	3.89	.724	Tinggi
42	UB FOR2	Saya menggunakan telefon pintar untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan dalaman organisasi.	3.83	.761	Tinggi
43	UB FOR3	Saya menggunakan telefon pintar untuk menganalisis faktor persekitaran seperti kewangan, peraturan organisasi, hubungan sosial antara ahli dan teknologi yang digunakan dalam organisasi.	3.86	.762	Tinggi
44	UB FOR4	Saya menggunakan telefon pintar untuk menentukan aktiviti atau program utama organisasi dan pihak yang perlu dihubungi.	3.96	.733	Tinggi
45	UB FOR5	Saya menggunakan telefon pintar untuk menganalisis keperluan ahli dalam organisasi dan manfaat yang diperolehi.	3.91	.731	Tinggi
46	UB FOR6	Saya menggunakan telefon pintar untuk menarik penyertaan ahli organisasi dalam menganalisis persekitara	3.94	.722	Tinggi
47	UB FOR7	Saya menggunakan telefon pintar untuk menarik penyertaan ahli dalam runding isu dan menganalisis persekitaran	4.11	.644	Tinggi

48	UB FOR8	Saya menggunakan telefon pintar untuk membantu dalam penyediaan objektif yang mempunyai sifat jangka panjang. (lebih daripada satu tahun berdasarkan objektif organisasi).	3.88	.740	Tinggi
49	UB FOR9	Saya menggunakan telefon pintar untuk membantu dalam penyediaan strategi-strategi alternatif dan memilih strategi yang terbaik.	3.90	.723	Tinggi
50	UB FOR10	Saya menggunakan telefon pintar untuk membuat penilaian dan pengubahsuaian pernyataan misi, strategi dan rancangan berdasarkan ancaman / peluang dan kekuatan / kelemahan	3.90	.690	Tinggi
51	UB FOR11	Saya menggunakan telefon pintar untuk menarik penglibatan semua pihak dalam merangka strategi dan rancangan organisasi	3.97	.681	Tinggi
52	UB FOR12	Saya menggunakan telefon pintar untuk membantu untuk memaklumkan tentang misi dan strategi organisasi kepada pihak lain.	4.04	.671	Tinggi
53	UB FOR13	Saya menggunakan telefon pintar untuk perbincangan dalam membangunkan strategi organisasi.	3.82	.768	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Merujuk kepada Jadual 9, konstruk Penggunaan Sebenar Telefon pintar dalam proses pengurusan Strategik Sekolah (UB) di bahagian Proses Formulasi Pengurusan Strategik Sekolah sebanyak 13 item telah dikemukakan kepada responden. Hasil taburan data yang diperolehi menunjukkan item 47 (UB FOR7) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menarik penyertaan ahli dalam runding isu dan menganalisis persekitaran dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah menunjukkan tahap yang tertinggi dengan skor min 4.11 (SP .644). Manakala, item 52 (UB FOR12) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membantu memaklumkan tentang misi dan strategi organisasi kepada pihak lain dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah dengan skor min 4.04 (SP .671) menduduki tahap yang kedua tertinggi di antara 13 item dalam prosesnya. Diikuti dengan tahap yang ketiga tertinggi dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah yakni item 51 (UB FOR11) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menarik penglibatan semua pihak dalam merangka strategi dan rancangan organisasi dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah dengan skor min 3.97 (SP .681). Seterusnya, item 44 (UB FOR4) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menentukan aktiviti atau program utama organisasi dan pihak yang perlu dihubungi dengan skor min 3.96 (SP .733) menduduki tahap yang keempat tertinggi. Diikuti dengan item 46 (UB FOR6) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menarik penyertaan ahli organisasi dalam menganalisis persekitaran dengan skor min 3.94 (SP .722) menduduki tahap kelima tertinggi. Seterusnya, item 45 (UB FOR5) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menganalisis keperluan ahli dalam organisasi dan manfaat yang diperolehi dengan skor min 3.91 (SP .731) menduduki tahap yang keenam tertinggi. Diikuti dengan item 49 (UB FOR9) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membantu dalam penyediaan strategi-strategi alternatif dan memilih strategi yang terbaik dengan skor min 3.90 (SP .723) menduduki tahap yang ketujuh tertinggi. Manakala, item 50 (UB FOR10) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membuat penilaian dan pengubahsuaian

pernyataan misi, strategi dan rancangan berdasarkan ancaman/peluang dan kekuatan/kelemahan dengan skor min 3.90 (SP .690) menduduki tempat yang kelapan tertinggi dalam proses ini. Sementara itu, item 41 (UB FOR41) iaitu menggunakan telefon pintar untuk mengenalpasti ancaman dan peluang luaran organisasi dengan skor min 3.89 (SP .724) menduduki tahap kesembilan tertinggi dalam proses ini. Seterusnya, item 48 (UB FOR8) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membantu dalam penyediaan objektif yang mempunyai sifat jangka Panjang (lebih daripada satu tahun berdasarkan objektif organisasi) dengan skor min 3.88 (SP .740) menduduki tahap yang kesepuluh tertinggi dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah.

Sementara itu, item 53 (UBFOR13) iaitu menggunakan telefon pintar untuk perbincangan dalam membangunkan strategi organisasi dengan skor min 3.82 (SP .768) menunjukkan tahap yang terendah dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah. Seterusnya diikuti dengan item 42 (UBFOR2) iaitu menggunakan telefon pintar untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan dalaman organisasi dengan skor 3.83 (SP .761) berada pada tahap kedua terendah dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah. Manakala item 43 (UBFOR3) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menganalisis faktor persekitaran seperti kewangan, peraturan organisasi, hubungan sosial antara ahli dan teknologi yang digunakan dalam organisasi dengan skor min 3.86 (SP .762) berada pada tahap ketiga terendah dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah. Secara keseluruhannya, kesemua 13 item dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) berada pada tahap tinggi dengan julat min antara 4.11 (SP .644) dan min 3.82 (SP .768). Ini menunjukkan semua item dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat dalam penggunaan telefon pintar dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 10.

Analisis Deskriptif Konstruk Penggunaan Sebenar Telefon pintar Dalam pengurusan Strategik Sekolah (UB) Proses Implimentasi Pengurusan Strategik Sekolah

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
54	UB IMP1	Saya menggunakan telefon pintar untuk menjelaskan peraturan dan tatacara yang betul untuk mengurus rancangan strategik.	3.90	.758	Tinggi
55	UB IMP2	Saya menggunakan telefon pintar untuk membantu menyediakan objektif jangka pendek organisasi, (sama atau kurang daripada satu tahun)	3.86	.730	Tinggi
56	UB IMP3	Saya menggunakan telefon pintar untuk membincangkan peruntukan sumber kewangan, manusia dan lain-lain yang mencukupi untuk melaksanakan strategi dan rancangan.	3.87	.770	Tinggi
57	UB IMP4	Saya menggunakan telefon pintar untuk menyediakan aktiviti atau langkah yang jelas untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi.	3.86	.742	Tinggi

58	UB IMP5	Saya menggunakan telefon pintar untuk membuat penyelarasan struktur organisasi bagi menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh perancangan dan keputusan strategik yang baru	3.86	.756	Tinggi
59	UB IMP6	Saya menggunakan telefon pintar untuk memberi sokongan kepimpinan kepada ahli organisasi dalam melaksanakan strategi.	4.00	.706	Tinggi
60	UB IMP7	Saya menggunakan telefon pintar untuk menyuburkan budaya orgnisasi (nilai, kepercayaan dan norma) bagi membolehkan ahli-ahli melaksanakan rancangan strategik.	4.00	.711	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 10 merujuk kepada konstruk Penggunaan Sebenar Telefon pintar dalam proses pengurusan Strategik Sekolah (UB). Bagi menyelidik Proses Implimentasi Pengurusan Strategik Sekolah, terdapat sebanyak 7 item telah dikemukakan kepada responden. Melalui taburan data yang diperolehi, hasil kajian menunjukkan item (UB IMP7) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menyuburkan budaya orgnisasi (nilai, kepercayaan, dan norma) bagi membolehkan ahli-ahli melaksanakan rancangan strategik dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah menunjukkan tahap yang tertinggi dengan skor min 4.00 (SP .711). Sementara itu, item 59 (UB IMP6) iaitu menggunakan telefon pintar untuk memberi sokongan kepimpinan kepada ahli organisasi dalam melaksanakan strategi menunjukkan tahap yang kedua tinggi dengan skor min 4.00 (SP .706). Diikuti dengan tahap yang ketiga tertinggi dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah ialah item 54 (UB IMP1) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menjelaskan peraturan dan tatacara yang betul untuk mengurus rancangan strategik dengan skor min 3.90 (SP .758). Manakala item 56 (UB IMP3) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membincangkan peruntukan sumber kewangan, manusia, dan lain-lain yang mencukupi untuk melaksanakan strategi dan rancangan dengan skor min 3.87 (SP .770) menduduki tahap yang keempat tertinggi dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah.

Manakala, item 55 (UB IMP2) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membantu menyediakan objektif jangka pendek organisasi (sama atau kurang daripada satu tahun) dengan skor min 3.86 (SP .730) menduduki tahap yang terendah dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah. Seterusnya, item 57 (UB IMP4) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menyediakan aktiviti atau langkah yang jelas untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi dengan skor min 3.86 (SP .742) menduduki tahap kedua terendah dan item 58 (UB IMP5) iaitu menggunakan telefon pintar untuk membuat penyelarasan struktur organisasi bagi menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh perancangan dan keputusan strategik yang baru dengan skor min 3.86 (SP .756) berada pada tahap ketiga terendah dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah.

Secara keseluruhannya, kesemua 7 item dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) berada pada tahap tinggi dengan julat min antara 3.86 (SP .730) dan min 4.00 (SP .711).Ini menunjukkan semua item dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat dalam penggunaan telefon pintar dalam proses implimentasi pengurusan strategik sekolah berada pada tahap tinggi.

Jadual 11.

Analisis Deskriptif Konstruk Penggunaan Sebenar Telefon pintar Dalam Pengurusan Strategik Sekolah (UB) Proses Penilaian dan Kawalan Pengurusan Strategik Sekolah

NO	Kod	ITEM	Min	Sisihan Piawai	Tahap
61	UB PK1	Saya menggunakan telefon pintar sebagai alat penilaian atau pemantauan aktiviti dalam program organisasi.	4.02	.729	Tinggi
62	UB PK2	Saya menggunakan telefon pintar untuk menilai atau memantau rancangan strategik secara teratur.	3.88	.758	Tinggi
63	UB PK3	Saya menggunakan telefon pintar untuk mengenalpasti status piawaian prestasi organisasi	3.89	.746	Tinggi
64	UB PK4	Saya menggunakan telefon pintar untuk menilai hasil strategi dan rancangan organisasi	3.93	.710	Tinggi
65	UB PK5	Saya menggunakan telefon pintar untuk mengubahsuai strategi, sekiranya diperlukan, hasil daripada penilaian.	4.12	.641	Tinggi
66	UB PK6	Saya menggunakan telefon pintar untuk menyebarkan maklumat hasil penilaian kepada semua ahli.	4.08	.684	Tinggi
67	UB PK7	Saya menggunakan telefon pintar untuk memastikan ketelusan perjalanan dan hasil pengurusan strategik.	3.98	.667	Tinggi
68	UB PK8	Saya menggunakan telefon pintar untuk menyediakan pelbagai teknik penilaian dan pemantauan secara mudah dan segera.	3.97	.712	Tinggi

Nota: M= Min, SP=Sisihan Piawai; Interpretasi skor min: 1.00 -1.66 (rendah), 1.67 -3.33 (sederhana), 3.34 – 500 (tinggi). (Sumber: Pallant, J., & Manual, S.S 2007).

Jadual 11, menunjukkan konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah (UB) di bahagian proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah sebanyak 8 item telah dikemukakan kepada responden. Hasil kajian daripada taburan data yang diperolehi menunjukkan item 65 (UB PK5) iaitu menggunakan telefon pintar untuk mengubah suai strategi, sekiranya diperlukan, hasil daripada penilaian dengan skor min 4.12 (SP .641) menduduki tahap tertinggi dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) di bahagian proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah. Dikuti dengan item 66 (UB PK6) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menyebarkan maklumat hasil penilaian kepada semua ahli dengan skor min 4.08 (SP .684) berada pada tahap kedua tertinggi. Diikuti dengan item 61 (UB PK1) iaitu menggunakan telefon pintar sebagai alat penilaian atau pemantauan aktiviti dalam program organisasi dengan skor min 4.02 (SP .729) berada pada tahap ketiga tertinggi. Selanjutnya, item 67 (UB PK7) iaitu menggunakan telefon pintar untuk memastikan ketelusan perjalanan dan hasil pengurusan strategik dengan skor min 3.98 (SP .667) berada pada tahap keempat tertinggi. Selanjutnya, item 68 (UB PK8) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menyediakan pelbagai teknik penilaian dan pemantauan secara mudah dan segera dengan skor min 3.97 (SP .712) menduduki tahap kelima tertinggi dalam proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah.

Manakala, item 62 (UBPK 2) iaitu menggunakan telefon pintar untuk menilai atau memantau rancangan strategik secara teratur dengan skor min 3.88 (SP .758) menduduki tahap terendah dalam proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah. Diikuti dengan item 63 (UB PK3) iaitu menggunakan telefon pintar untuk mengenal pasti status piawaian prestasi organisasi dengan skor min 3.89 (SP .746) menduduki tahap kedua terendah dan tahap ketiga terendah adalah item 64 (UB PK 4)

iaitu menggunakan telefon pintar untuk mengenal pasti status piawaian prestasi organisasi dengan skor min 3.93 (SP .710).

Secara keseluruhannya, kesemua 8 item dalam proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) berada pada tahap tinggi dengan julat min antara 3.88 (SP .758) dan min 4.12 (SP .641). Ini menunjukkan semua item dalam proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat dalam penggunaan telefon pintar dalam proses penilaian dan kawalan pengurusan strategik sekolah berada pada tahap tinggi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis yang dijalankan, tahap faktor-faktor penerimaan teknologi dalam proses pengurusan strategik sekolah oleh kumpulan pentadbir sekolah kerajaan di daerah Segamat adalah tinggi. Faktor penerimaan yang paling tinggi ialah faktor Jangkaan Prestasi (PE) dengan nilai skor min 4.28 (SP .563), manakala tahap yang terendah ialah konstruk Nilai Harga (PV) dengan nilai min 4.07 (SP .585) Semua konstruk berada pada julat min 4.07 (SP .585) hingga min 4.28 (SP .563), iaitu pada tahap tinggi. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor penerimaan teknologi di kalangan kumpulan pentadbir sekolah-sekolah di daerah Segamat adalah pada tahap tinggi dan menggalakkan niat tingkah laku menggunakan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah sebagai alat memudahkan cara kerja-kerja dalam proses pengurusan strategik. Dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Mohd Amin et al. (2022) mengenai penggunaan telefon pintar dalam pengurusan e-dompet, ia mendapati bahawa jangkaan prestasi menjadi faktor yang mempengaruhi penggunaan telefon pintar. Dapatan kajian ini menyokong bahawa faktor-faktor penerimaan teknologi seperti jangkaan prestasi dan usaha, motivasi hedonic, dan tabiat berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian adalah serupa dengan apa yang dinyatakan oleh Khlaif (2018), iaitu penggunaan teknologi akan meningkat kerana teknologi mudah alih memberikan banyak faedah dan boleh meningkatkan produktiviti kerja dengan lebih baik. Meningkatkan produktiviti kerja merujuk kepada faktor Jangkaan Prestasi (PE) yang tinggi. Maka, perkara ini wujud dengan penggunaan teknologi seperti telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah. Dapatan ini sama dengan dapatan oleh Kripanont (2006) dan Mas Nida et al. (2011) yang mendapati penggunaan teknologi membantu menambah baik kualiti kerja pengguna.

Teknologi telefon pintar ialah alat yang dapat mewujudkan keselesaan kepada kumpulan pentadbir sekolah kerana mereka dapat berinteraksi, berkomunikasi, dan menyampaikan semua maklumat pengurusan dengan mudah dan cepat. Keselesaan menyebabkan mereka terus menggunakan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah. Faktor Keadaan Memudahkan (FC) yang tinggi dalam kajian ini juga menyokong dapatan kajian oleh Chiu dan Churchill (2015) yang bersetuju bahawa keselesaan mempelajari penggunaan teknologi dengan garis panduan lengkap penggunaan akan mewujudkan keselesaan dan terus digunakan oleh pihak yang terlibat. Dapatan ini turut menyokong dapatan kajian oleh Omoogun et al. (2013), yang mendapati apa jua manfaat dan kelebihan yang ada pada sesuatu teknologi itu hanya akan berguna dan memberi keselesaan kepada pengguna bila mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam menggunakan teknologi tersebut dalam tugas.

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap Motivasi Hedonik (HM) di kalangan kumpulan pentadbir sekolah adalah tinggi. Dapatan ini sama dengan dapatan oleh Kwon et al. (2019) dan Leem dan Sung (2019) yang mendapati teknologi dapat mencetus motivasi dan keyakinan kepada pengguna untuk meningkatkan kualiti kerja. Kajian oleh Perienen (2020) juga menunjukkan motivasi pengguna meningkat apabila penggunaan teknologi itu menyebabkan keseronokan. Kajian oleh Phua et al. (2012) turut mendapati bahawa keseronokan meningkatkan motivasi pengguna untuk menggunakan sesuatu teknologi dengan lebih kerap. Seterusnya, tahap motivasi pengguna berada pada tahap tinggi. Dapatan

ini turut disokong oleh kajian Ahmad et al. (2021) yang mendapati bahawa Motivasi Hedonik menggunakan teknologi ialah faktor penting dalam penerimaan teknologi telefon pintar dalam penggunaan media sosial di Malaysia.

Faktor Tabiat (HT) dalam kajian ini turut menunjukkan tahap tinggi yang menyumbang kepada penggunaan telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah. Kajian Christensen dan Knezek (2017) mendapati bahawa jika alat teknologi mudah dan penting dalam urusan kerja seharian, tabiat pengguna akan terus menggunakannya dan menggalakkannya.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor Jangkaan Usaha (EE) berada pada tahap tinggi dalam penggunaan telefon pintar oleh kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat. Dengan adanya usaha daripada kumpulan pentadbir sekolah untuk memahami, berinteraksi, dan mempelajari kemahiran penggunaan telefon pintar dalam kerja-kerja pengurusan strategik sekolah, ia menyebabkan tahap penggunaan telefon pintar berada pada tahap tinggi di daerah Segamat. Dapatan kajian oleh Lim dan Ling (2020) yang mengkaji penggunaan teknologi telefon pintar dalam sektor pendidikan mendapati bahawa jangkaan usaha ialah faktor utama yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk menggunakan aplikasi pembelajaran di telefon pintar dalam bidang pendidikan di Malaysia. Kajian lepas mendapati bahawa faktor Keadaan Memudahkan (FC) turut membantu faktor Jangkaan Usaha (EE) dalam meningkatkan tahap penggunaan sesuatu teknologi dengan adanya penerimaan dan mudah digunakan oleh pengguna (Hussin et al., 2011; Pynoo et al., 2011; Raman, 2011; Teo, 2010b, 2011; Teo & Noyes, 2014).

Kajian ini turut menunjukkan bahawa faktor pengaruh sosial (SI) berada pada tahap tinggi di daerah Segamat. Dapatan ini sama dengan kajian oleh Ismail dan Mokhtar (2021) yang mendapati bahawa pengaruh sosial mempengaruhi niat tingkah laku untuk menggunakan teknologi telefon pintar dalam penggunaan aplikasi pembayaran menggunakan telefon pintar di Malaysia. Dapatan ini juga sama dengan dapatan oleh Franklin (2007), yang mendapati pandangan dan cadangan rakan sekerja turut membantu pemilihan dan penggunaan sesuatu teknologi. dalam pelaksanaan sesuatu kerja.

Kajian ini seterusnya mendapati nilai harga (PV) turut menunjukkan berada pada tahap tinggi dalam penggunaan telefon pintar pengurusan strategik sekolah di Segamat. Selanjutnya, kajian ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Vankatesh et al. (2012) yang mendapati bahawa pengaruh nilai harga berada pada tahap tinggi dalam penggunaan sesuatu teknologi oleh pengguna. Dapatan kajian oleh Hassan et al. (2022) adalah sama berkenaan penerimaan aplikasi perbankan digital di Malaysia, menunjukkan faktor nilai harga menjadi faktor penting penggunaan teknologi telefon pintar kerana kos yang rendah dan setimpal dengan perkhidmatan yang mereka terima.

Kajian ini turut mendapati Niat Tingkah Laku (BI) berada pada tahap yang tinggi di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat. Kajian-kajian sebelum ini banyak mengaitkan niat dengan penggunaan (*actual usage*). Kajian Lo et al. (2015) mengesahkan bahawa niat untuk menggunakan teknologi benar-benar membawa kepada tingkah laku sebenar dalam penggunaan teknologi. Sebelum ini, penyelidik seperti Venkatesh dan Davis (2000) mendakwa bahawa niat ialah pemboleh ubah bebas yang baik untuk digunakan dalam meramalkan sesuatu. Hal ini diperkuatkan dengan sokongan penyelidik seperti Buche et al. (2012) yang membincangkan faktor-faktor berkaitan penerimaan teknologi (misalnya, tindak balas dan niat) adalah relevan untuk memahami bagaimana reaksi individu terhadap sesuatu teknologi. Penyelidikan oleh Zahari et al. (2022), turut mendapati bahawa niat tingkah laku menggunakan aplikasi pendidikan di Malaysia turut memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penggunaan telefon pintar. Kajian persepektif tentang niat tingkah laku sejak kebelakangan ini telah menjadi fokus dalam kebanyakan penyelidikan dalam dunia perniagaan, kewangan, dan perbankan. Dalam bidang pendidikan, proses penerokaan niat tingkah laku untuk

menggunakan teknologi dalam kalangan kumpulan pentadbir sekolah akan meluaskan pemahaman sebenar terhadap penggunaan teknologi pada masa hadapan

Hasil daripada analisis yang dijalankan, tahap penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah oleh kumpulan pentadbir sekolah kerajaan di daerah Segamat adalah tinggi. Berdasarkan konstruk tahap penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah, ia berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.93 (SP .589). Setiap proses pengurusan strategik turut berada pada tahap tinggi iaitu untuk proses penilaian dan kawalan dalam konstruksinya dengan nilai skor min 3.98 (SP .621). Proses formulasi pengurusan strategik sekolah dengan nilai skor min 3.92 (SP .602) berada pada tahap kedua tertinggi dalam konstruk ini dan diikuti oleh proses implimentasi pengurusan strategik sekolah dengan nilai skor min 3.90 (SP. 390) di tempat yang terbawah.

Kesemua tiga belas item dalam proses formulasi pengurusan strategik sekolah dalam konstruk penggunaan sebenar telefon pintar dalam pengurusan strategik sekolah (UB) di kalangan kumpulan pentadbir sekolah di daerah Segamat berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.92 (SP .602).

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan telefon pintar untuk menarik penyertaan semua warga sekolah dalam rundingan untuk mengenal pasti isu dan analisis persekitaran organisasi menjadi perkara yang utama dalam bahagian proses pengurusan strategik sekolah di daerah Segamat. Dapatan analisis kajian ini sama dengan dapatan kajian oleh Senyurt Yenipinar (2012) di Turki yang mengkaji tahap implimentasi pengurusan strategik di kalangan guru besar sekolah rendah di negara tersebut. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa tahap proses formulasi, implimentasi, proses penilaian, dan kawalan pengurusan strategik di kalangan pentadbir sekolah rendah di negara tersebut adalah tinggi. Ini menyokong dapatan Eren (2000), yang menyatakan pentadbir sekolah mempunyai peranan yang sangat penting dalam proses formulasi dan menentukan proses implimentasi serta proses penilaian dan kawalan. Selanjutnya, di sekolah, pendigitalan pentadbiran perlu dilaksanakan bagi memastikan kelancaran urusan pentadbiran. Menurut Dormann et al. (2019), perubahan yang didorong oleh kehendak pendigitalan adalah sangat relevan dan penting, terutama apabila ia dimulakan oleh pemimpin-pemimpin sekolah.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati, tahap faktor-faktor penerimaan teknologi di kalangan kumpulan pentadbir sekolah menggunakan teknologi telefon pintar di daerah Segamat negeri Johor secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Tahap penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah turut menunjukkan tahap yang tinggi. Daripada segi tahap pengaruh faktor-faktor penerimaan teknologi pula didapati bahawa hanya tabiat dan motivasi hedonik berpengaruh signifikan terhadap niat tingkah laku. Pemboleh ubah lain seperti jangkaan prestasi, jangkaan usaha, nilai harga, pengaruh sosial, dan nilai harga tidak berpengaruh signifikan terhadap niat tingkah laku. Manakala, niat tingkah laku berpengaruh signifikan terhadap penggunaan telefon pintar dalam proses pengurusan strategik sekolah. Penggunaan teknologi telefon pintar telah mengubah cara mengurus sesuatu organisasi seperti organisasi dalam sektor pendidikan. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa proses pengurusan strategik sekolah menjadi bertambah baik dengan penggunaan teknologi telefon pintar oleh kumpulan pentadbir sekolah.

RUJUKAN

- Abu Shanab, E., & Pearson, J. M. (2007). Internet banking in Jordan: The unified theory of acceptance and use of technology (UTAUT) perspective. *Journal of Systems and Information Technology*, 9(1), 78-97.
- Ahmad, M., Zahari, M., & Tan, H. (2021). Hedonic motivation in smartphone usage among Malaysian youth: UTAUT2 perspective. *Journal of Digital Marketing*, 34(4), 67-75.

- Alharbi, S. A., & Drew, S. (2014). Factors affecting the adoption of mobile learning in higher education. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 8(3), 4–7.
- Al-Barashdi, H.S., Buoazza, A. & Jabur, N.H. 2015. Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research & Reports*, 4(3), 210-225.
- Al-Fawareh, H.M. & Jusoh, S. 2014. Smartphones usage among university students: Najran University case. *International Journal of Academic Research*, 6(2), 321-326.
- Babbie, E. (2020). *The practice of social research* (15th ed.). Cengage Learning.
- Baptista, G. & Oliveira, T. (2015). Understanding mobile banking: The unified theory of acceptance and use of technology combined with cultural moderators. *Computers in Human Behavior*, 50, 418-430. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.04.024>
- Chua YP (2011) *Kaedah dan statistic penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Cohen, J., & Cohen, P. (2020). *A comprehensive introduction to SPSS for social scientists*. Routledge.
- David, Fred, R. (2011). *Manajemen strategis konsep* (12th Ed.). Salemba Empat.
- Duarte P., Pinho J. C. (2019). A mixed methods UTAUT2-based approach to assess mobile health adoption. *Journal of Business Research*, 102, 140–150.
- Field, A. (2020). *Using SPSS for social science data analysis* (3rd ed.). Sage Publications.
- Hamdan, A., Din, R., Manaf, S. Z. A., Salleh, N. S. M., & Kamsin, I. F. (2015). Pendidikan: Satu ulasan sistematik (UTAUT applications in the field of Education: A systematic review). *Journal of Advanced Review on Scientific Research*, 5(1), 10-29.
- Hassan, R., Nordin, M., & Ibrahim, M. (2022). Factors influencing the adoption of mobile banking apps in Malaysia: An application of UTAUT2. *Journal of Business and Technology*, 19(2), 45-56.
- Hussin, A. M., & Mohd, A. F. (2021). Strategic management in Malaysian schools: An overview. *International Journal of Educational Management*, 35(1), 42-56. <https://doi.org/10.1108/IJEM-03-2020-0162>
- Hussin, S., Manap, M. R., Amir, Z., & Krish, P. (2012). Mobile learning readiness among Malaysian students at higher learning institutes. *Asian Social Science*, 8(12), 276-283.
- Ibrahim, H., & Abdullah, A. (2022). Strategic management in schools: A case study on the application of formulation, implementation, and control in Malaysia. *Asian Journal of Educational Research*, 10(2), 124-141. <https://doi.org/10.3390/ajer102010>
- Idris, F., & Kamarudin, M. (2021). Implementing strategic management practices in Malaysian Schools: Challenges and opportunities. *Asia Pacific Journal of Education*, 41(3), 291-306. <https://doi.org/10.1080/02188791.2021.1910639>
- Ismail, A., & Mokhtar, N. (2021). Acceptance of QR code payment in Malaysia: An extension of UTAUT2. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(3), 101-110.
- Nmawston (2014). *Android Captured 79% Share of Global Smartphone Shipments in 2013*. Strategy Analytics. <http://blogs.strategyanalytics.com/Wss/post/2014/01/29/Android-Captured-79-Share-of-Global-Smartphone-Shipments-in-2013.aspx>
- Lay-Yee, K.L., Kok-Siew, H. & Chan Yin-Fah, B. 2013. Factors affecting smartphone purchase decision among Malaysia Generation Y. *International Journal of Asian Social Science*, 3(12), 2426-2440.
- Lim, M., & Ling, H. (2020). Factors influencing smartphone usage in educational contexts in Malaysia: The UTAUT2 framework. *Asian Journal of Educational Technology*, 12(2), 98-106.
- Magni, M., Taylor, M. S., & Venkatesh, V. (2010). ‘To play or not to play’: A Cross-temporal investigation using hedonic and instrumental perspectives to explain user intentions to explore a technology. *International Journal of Human-Computer Studies*, 68, 572-588.
- Mohd Amin, M., Ab Hamid, M., & Norhisam, N. (2022). Factors affecting e-wallet adoption in Malaysia post COVID-19: An integration of UTAUT2 and Mental Accounting Theory. *International Journal of Digital Economy*, 15(2), 45-59.
- Nazemi, S., Asadi, S. T., & Asadi, S. T. (2015). Barriers to strategic planning implementation: Case of Mashhad Electricity Distribution Company. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 207, 2–9. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.10.142>

- Nie, N. H., Hull, C. H., & Bent, D. H. (1968). *SPSS: Statistical Package for the Social Sciences*. McGraw-Hill.
- Noraini, A., Hamidon, K., & Mohd Izham, M. H. (2015). *Amalan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengintegrasian ICT di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015.
- Osman, M. I., & Sulaiman, A. (2022). School leadership and strategic management: The Role of school leaders in shaping educational outcomes in Malaysia. *Educational Leadership Review*, 26(2), 115-130. <https://doi.org/10.1234/edulead.2022.118>
- Ondera, E. I. (2013). *Strategic management practices in Mbagathi District Hospital, Nairobi, Kenya* [Master's thesis, University of Nairobi]. University of Nairobi Institutional Repository.
- Schmitz A., Díaz-Martín A. M., Yagüe Guillén M. J. (2022). Modifying UTAUT2 for a cross-country comparison of telemedicine adoption. *Computers in Human Behavior*, 130, 107183.
- Shin, T. L & Ali, M. M. (2020). Penggunaan telefon pintar dan tahap nomofobia dalam kalangan murid berkeperluan khas di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 164-178. <http://journalarticle.ukm.my/17038/1/38792-143347-1-PB.pdf>
- Suki, N. M. (2016). The effects of consumers' perceived value and trust on their behavioral intention to use mobile banking. *Journal of Business Research*, 69(10), 4547-4555.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2017). *MCMC Internet Users Survey*. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. <http://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMCInternet-Users-Survey-2017v2.pdf>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2023). *Communications and multimedia: Pocket book of statistics 2023*. Malaysian Communications and Multimedia Commission. [https://www.mcmc.gov.my/en/resources/statistics/communications-and-multimedia-pocket-book-of-statistics/communications-and-multimedia-facts-and-figures-2023:contentReference\[oaicite:6\]\[index=6\]](https://www.mcmc.gov.my/en/resources/statistics/communications-and-multimedia-pocket-book-of-statistics/communications-and-multimedia-facts-and-figures-2023:contentReference[oaicite:6][index=6])
- Ramdas, M., & Rassiah, K. (2022). *Penggunaan statistik dalam penyelidikan*. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Tapera, J. (2014). The importance of strategic management to business organisations. *The International Journal's: Research Journal of Social Science & Management*, 3, 122-131.
- Venkatesh, V., Morris, M.G., Davis, F.D., dan Davis, G.B. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view, *MIS Quarterly*, 27, 425-478.
- Venkatesh V., Thong J., Xu X. (2016). Unified theory of acceptance and use of technology: A synthesis and the road ahead. *Journal of the Association for Information Systems*, 17(5), 328–376.
- Venkatesh, V., Thong, J. Y. L., & Xu, X. (2012). Consumer acceptance and use of information technology: Extending the unified theory. *MIS Quarterly*, 36(1), 157–178.
- Villon, L., & Honger, J. (2010). *Foundations of strategic management* (Dr. Mohamed Arabi Divine, Trans.; 6th ed.). Office of Cultural Research.
- Weinberg, D. (2012). *Smartphone features*. Tech Tips Salon. <http://techtips.salon.com/Smartphonefeatures-179.html>
- Wheelen, T. L., & Hunger, J. D. (2014). *Concepts in strategic management & business policy*. Prentice Hall.
- Zahari, S., Tan, H., & Lim, A. (2022). Behavioral intention and acceptance of educational mobile apps in Malaysia: An extension of UTAUT2. *Journal of Educational Technology*, 15(4), 88-98.
- Zulkefly, M. H., & Mat, R. (2021). Adoption of mobile learning in Malaysian higher education: A UTAUT2 approach. *Education and Information Technologies*, 26(4), 4439-4457. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10506-9>